

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 19/08/2018

Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Tajuk : **ANGKASA Mohon Kerajaan Kaji Semula Peraturan Kelulusan Pembiayaan**

ANGKASA Mohon Kerajaan Kaji Semula Peraturan Kelulusan Pembiayaan

Tarikh kemaskini: 19/08/2018

MELAKA, 19 Ogos (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memohon kerajaan untuk mengkaji semula kaedah atau peraturan sedia ada melibatkan kelulusan pembiayaan sesuatu pinjaman agar perkembangan dan pembangunan gerakan koperasi negara dapat dipertingkatkan.

Naib Presiden ANGKASA Mohamad Azmi Omaruddin berkata inisiatif berkenaan juga perlu segera dilaksanakan bagi menambah baik kaedah atau peraturan sedia ada supaya lebih banyak peluang perniagaan dapat diceburi oleh anggota koperasi di seluruh negara sekali gus menyumbang pada peningkatkan ekonomi negara dan anggota koperasi.

"Sekarang ini kalau kita lihat setiap pinjaman kredit yang ingin dibuat anggota koperasi perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan proses ini melibatkan tempoh masa tertentu dan kadang kala menyebabkan peluang perniagaan yang ingin direbut terlepas bergitu sahaja.

"Situasi ini bukan sahaja merugikan anggota koperasi malah juga negara secara dasarnya koperasi merupakan mekanisme utama sosioekonomi negara dan anggota, selain sektor ketiga tertinggi yang menyumbang pada pendapatan ekonomi negara selepas sektor swasta dan awam," katanya kepada Bernama ketika ditemui pada Pertandingan Akhir Kejohanan Petanque Angkasa Peringkat Kebangsaan 2018 di sini, hari ini.

Turut hadir Naib Presiden (Kewangan dan Integriti) ANGKASA Dr Mohd Azlan Yahya dan Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka Muslim Md Shah.

Mengulas lanjut, Mohamad Azmi berkata kerajaan juga diminta agar memberi fokus pada pembangunan sektor koperasi negara secara lebih holistik khususnya dari segi aspek peruntukan khas dalam bajet tahunan negara.

Beliau berkata ia kerana sektor koperasi merupakan organisasi awam dan tidak mempunyai kepentingan individu malah keuntungan yang diperoleh dikembalikan semula kepada semua anggota secara sama rata dalam pelbagai bentuk termasuk pembangunan modal insan, latihan dan kursus untuk anggota mereka selain kepada ekonomi negara.

"Kita harapkan kerajaan dapat memberi bajet khusus untuk sektor koperasi di negara ini dalam bajet tahunan akan datang sebagai komitmen mereka terhadap pembangunan koperasi untuk lebih berdaya saing, dinamik dan mampan," katanya.

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 19/08/2018

Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Tajuk : **ANGKASA Mohon Kerajaan Kaji Semula Peraturan Kelulusan Pembiayaan**

Sementara itu, Mohd Azlan berkata Kejohanan Petanque ANGKASA pada tahun ini yang disertai seramai 10,250 peserta daripada 2,920 koperasi di seluruh negara berbanding 9,555 peserta daripada 2,738 koperasi pada tahun lepas, bertujuan menggalakkan warga koperasi untuk bersukan selain mencungkil bakat baharu yang dapat diserap sebagai pelapis atlet di peringkat negeri dan juga negara dalam kalangan warga koperasi.

Beliau berkata kejohanan berkenaan merupakan acara tahunan yang dilaksanakan di peringkat negeri dan kebangsaan setiap tahun sejak 1995 dan pihaknya memperuntukkan kira-kira RM500,000 bagi penganjuran kejohanan berkenaan.

"Pada tahun ini sebanyak 16 pasukan dari 14 negeri terlibat dalam kejohanan ini. Kita mempunyai wakil negara dan negeri dalam Sukan SEA dan SUKMA (Sukan Malaysia) dalam kalangan warga koperasi dan ini merupakan antara pencapaian terbaik koperasi selain memastikan manfaat sebagai anggota koperasi seperti kemudahan dan dividen diperolehi," katanya.

-- BERNAMA